



JAKESS permudah prosedur, perkenal 'Fast Track'

# Cerai enam jam

- Elak sengketa, penindasan
- Patuhi Maqasid Syariah
- Hanya persetujuan bersama

"Kita tak galakkan cerai tetapi kalau tak dapat elak dan rasa ia jalan terbaik, maka kita cari jalan supaya diproses sebaik mungkin."

- **Exco Hal Ehwal Agama, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi**

**LAPORAN  
KHAS**

LAPORAN LANJUT DI MUKA 6&7



Gambar oleh Rahimie Ariffin

## RAJIN...

Kanak-kanak yang tinggal di sekitar Seksyen 19 Shah Alam turut tidak melepaskan peluang membantu mengedarkan tong-tong sampah dalam sesi gotong-royong bersama Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga, Dr. Daroyah Alwi. Program itu bertujuan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes dalam usaha Kerajaan Selangor mengurangkan kes denggi ke tahap minimum.

## MB: Usah salah-menyalahi, bantu pelarian Rohingya

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Semua pihak perlu menolak isu perbezaan bangsa atau saling menyalahi, sebaliknya memberi tumpuan kepada usaha menyelamatkan beribu etnik Islam Rohingya.

Justeru, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menggesa Perdana Menteri dan anggota ASEAN mengambil inisiatif atas dasar kemanusiaan terhadap pelarian etnik Islam Rohingya.

"Kita perlu memikirkan penyelesaian strategik untuk jangka masa panjang melibatkan keperluan makanan, perubatan dan tempat tinggal.

"Ini masa sesuai untuk semua organisasi masyarakat serantau berganding bahu dengan negara ASEAN dalam misi kemanusiaan menyelamatkan etnik Islam Rohingya yang ditindas?" katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN perlu segera

mengadakan mesyuarat bersama Menteri Luar ASEAN (AFMM) untuk membincangkan isu itu.

"Antara isu kritikal ialah penempatan semula, penghantaran balik dan keselamatan yang perlu diberi keutamaan.

"Tidak dinafikan, Malaysia dan Indonesia akan menanggung beban percambahan kem pelarian. Brunei dan Singapura juga perlu memainkan peranan penting ke arah penyelesaian jangka masa panjang?" katanya.

Mohamed Azmin juga mengecam keputusan badan kehakiman Mesir ke atas bekas presidennya, Mohamed Morsi yang dijatuhi hukuman mati.

"Keputusan itu tidak wajar dan percubaan yang gagal termasuk melanggar setiap proses serta kaedah keterangan.

"Ia ibarat melenyapkan sistem demokrasi dan keadilan sejak rampasan kuasa berlaku oleh tentera dan tangan ghaib di ranau ini?" katanya.

**MB: Unit Rumah Selangorku ditambah**

Kerajaan Negeri akan mengkaji untuk membina kira-kira 20,000 unit rumah mampu milik, mengatasi sasaran awal 15,251 unit melalui 38 projek menjelang 2021.

**BERITA DI MUKA 2**

**TEKUN** patut contohi Hijrah Selangor

Saya tak berpuas hati jawapan kementerian kerana tidak menunjukkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan dana secara efisien dan adil.

**BERITA DI MUKA 5**

**Lot tanah dalam sungai**

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong dan pihaknya menemui beberapa lot tanah dalam sungai dan kes itu dirujuk kepada jabatan berkaitan. Ada kawasan perusahaan Kuala Kubu Bharu di Sungai Kubu diwarta ketika era pemerintahan Umno BN pada 1984.

**BERITA DI MUKA 12**

**Rumah kebajikan terharu terima sumbangan**

Semua rumah dan pertubuhan dakwah menerima bantuan antara RM10,000 hingga RM30,000 bergantung kepada aktiviti dakwah.

**BERITA DI MUKA 13**

**Lepasan INSPEN mudah dapat kerja**

Permintaan tinggi membuktikan pengalaman lebih 20 tahun INSPEN beroperasi mendapat kepercayaan pelbagai pihak.

**BERITA DI MUKA 14**

## 3,000 bakal pembeli kerumuni pelancaran Rumah Selangorku

**SHAH ALAM** - Cuaca terik tidak menghalang 3,000 bakal pembeli beratur panjang dan berhimpit-himpit menunggu giliran berpusu-pusu seawal jam 7 pagi bagi memiliki Rumah Selangorku.

Pekerja swasta, Zaki Abdul Rahim, 36, antara yang tidak mahu melepaskan peluang keemasan itu lantaran 15 tahun menyewa rumah kerana tiada peluang memiliki rumah ekoran harga mahal.

"Pernah cuba tapi tidak dapat beli. Gaji kecil, tanggungan ramai, mana dapat beli rumah mahal. Saya sudah bosan menyewa rumah. Sewa pun sudah naik," katanya.

Mereka membanjiri Majlis Pelancaran Rumah Selangorku di Bandar Saujana Putra sekaligus melebihi bilangan pemohon melebihi unit yang ditawarkan.

OLEH NORHAYATI UMOR

**KUALA LANGAT** - Pembinaan unit Rumah Selangorku di Bandar Saujana Putra akan ditambah unit pemaju harta tanah berikut permintaan tinggi.

Majlis Pelancaran rumah mampu milik (RMM) di Bandar Saujana Putra, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata sebanyak 1,312 unit rumah akan dibina dan dijangka siap dalam tiga tahun.

"Ekoran sambutan menggalakkan, kita meminta pemaju pertimbang cadangan itu. Kita tidak mahu mereka pulang dengan hampa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran Rumah Selangorku di Bandar Saujana Putra, di sini, 16 Mei lalu.

Projek itu terdiri daripada 1,312 unit rumah dengan lima blok pangaspuri mengandungi 12 tingkat, selain 24 unit kedai.

Setiap unit bersaiz 800 dan 900 kaki persegi, dengan harga jualan RM150,000 dan RM180,000. Nilai pembangunan kasar projek itu sekitar RM228 juta.

Kata Mohamed Azmin, Kerajaan Negeri akan mengkaji untuk membina kira-kira 20,000 unit rumah mampu milik, mengatasi sasaran awal 15,251 unit melalui 38 projek menjelang 2021.

Beliau berkata, ia berikut permintaan tinggi sekaligus langkah itu dapat memastikan keperluan asas rakyat dipenuhi.

"Dalam tempoh dua bulan rumah Selangorku dilancar, per-



Bakal pembeli mendengar penjelasan Rumah Mampu Milik di Majlis Pelancaran Rumah Selangorku di Bandar Saujana Putra

Elak bakal pembeli pulang hampa

## MB: Unit Rumah Selangorku ditambah

“

**Ekoran sambutan menggalakkan, kita meminta pemaju pertimbang cadangan itu. Kita tidak mahu mereka pulang dengan hampa**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar

mintaannya tinggi. Jadi dalam tempoh sama, saya mahu pembinaannya dibuat dengan 20,000 unit," katanya.

Beliau berkata, permintaan tinggi itu disebabkan kos sara hidup meningkat menyebabkan golongan pertengahan terbeban.

"Selangor ada tanah dengan nilai terkawal, jadi bukan masalah untuk penyertaan 'smart partnership' dengan pemaju," katanya.

Malah, Pengarah Urusan LBS, Datuk Seri Lim Hock San sedia mempertimbang pertambahan unit rumah di kawasan itu bagi memenuhi permintaan itu.



## 40,000 pemohon rumah - Iskandar

**KUALA LANGAT** - Golongan belia khususnya berstatus bujang sekitar usia 25 tahun digalak memohon untuk memiliki rumah mampu milik.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata ia berikut

syarat permohonan sudah dilonggar.

"Sebelum ini, permohonan disyarat pada usia 40 tahun tetapi kita bersetuju ia dikenakan pada usia seawal 25 tahun."

"Kita fahami kehendak golongan belia yang berkah-

win dan belum menghadapi masalah sama. Kita prihatin dan alukan-alukan mereka memohon," katanya.

Memaklumkan jumlah pemohon berdaftar mencecah 40,000 orang, Iskandar mengakui jumlah permintaan melebihi penawaran.

## MB: Jaringan pengangkutan awam perlu sempurna

**KUALA LANGAT** - Projek pengangkutan awam Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa Lembah Klang (MRT) perlu dilengkapi jaringan pengangkutan awam dan bas pengantara.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pembangunan projek tanpa menghubungkan kawasan kediaman, kiland dan bandar ke stesen menimbulkan masalah.

"Ada LRT tetapi ia tidak dilengkapi perkhidmatan bas pengantara efisien. Sebab itu kita masih ke stesen LRT dengan kenderaan sendiri.

"Masalah kesesakan di stesen, parkir tidak cukup hingga berlapis-lapis," ka-

tanya selepas melancarkan portal segi-fresh2u di Pasaraya SegiFresh di Telok Panglima Garang, 17 Mei lalu.

Biarpun inisiatif itu di luar bidang kuasa negeri, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Selangor menyediakan perkhidmatan bas pengantara dan bas per-cuma.

"Di Petaling Jaya, kita ada 10 bas baru lengkap dengan kemudahan penyaman udara termasuk wifi. Mulai Jun, lima bas seumpamanya disediakan di Shah Alam.

"Walaupun kosnya tinggi tetapi itu tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk sediakan pengangkutan awam efisen untuk rakyat," katanya.

## LRT 3: Dapatkan pandangan rakyat

**KUALA LANGAT** - Pembangunan pengangkutan awam termasuk projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT 3) perlu maklum balas penduduk bagi memastikan ia bermanfaat.

"Maklum balas penduduk diraih terlebih dahulu sebelum Kerajaan Negeri membuat keputusan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)," kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

LRT 3 sepanjang 36 kilometer menghubungkan Bandar Utama, Damansara dan Johan Setia, Klang dibangunkan Prasarana dan dijangka siap 31 Ogos 2020.

Katanya, Kerajaan Selangor menyokong inisiatif pembangunan pengangkutan awam bernilai RM9 bilion yang bermula

pada suku pertama tahun depan.

"Dalam perbincangan dengan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), saya mahu mereka libatkan penduduk sebelum menyerahkan cadangan kepada Kerajaan Negeri," katanya.

Kata Azmin, Kerajaan Selangor menyokong inisiatif pengangkutan awam kerana ia sistem pengangkutan efisien, murah dan mengurangkan pelepasan karbon.

"Saya tidak mahu kerajaan memilih hanya satu pilihan iaitu lebuh raya dan kita sendiri menolak pembangunan lebuh raya seperti Kidex kerana ia tidak mengurangkan kadar penggunaan kenderaan.

"Buat banyak manapun lebuh raya, ia tidak membantu masalah trafik," katanya.

## Worldwide Holdings pemaju harta tanah terulung



**DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah melancarkan Buku 'Our Journey Continues' sempena Sambutan 25 Tahun Worldwide Holdings Berhad**

**SHAH ALAM** - Worldwide Holdings Berhad diiktiraf sebagai pemaju harta tanah dan penyedia perkhidmatan pengurusan alam sekitar terulung negara apabila berjaya memperoleh pelbagai pengiktirafan peringkat nasional serta antarabangsa.

Pengerusi Worldwide Holdings Berhad, Datuk Noordin Sulaiman berkata, antara pengiktirafan yang dicapai adalah The Brand Laureate Best Brands Corporate Branding in Real Estate Property, pada 2014 dan 2015.

"Worldwide Holdings turut dinobat Best Employer of Choice 2014 dari Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia selain sijil Green Building Index (GBI) untuk Menara Worldwide di Tiga Segi Emas, Kuala Lumpur," katanya pada majlis makan malam sempena sambutan ulang tahun ke-25 syarikat itu.

Kerajaan turut menganugerahkan status MSC Malaysia Cybercentre kepada syarikat itu kerana menyediakan ekosistem bagi menarik pelabur ICT, pada Jun 2014.

## RM20 juta pinjaman beli rumah kos rendah

**RAWANG** - Dana bernilai RM20 juta disediakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah membeli rumah kos rendah di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata ia dijangka dapat membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dari institusi kewangan untuk memiliki kediaman sendiri.

"Ada mahu miliki rumah kos rendah bernilai RM42,000 tetapi gagal dapatkan pinjaman," katanya pada Majlis Pecah Tanah dan Pendaftaran Rumah Selangorku di M Residence 2, 15 Mei lalu.

Beliau berkata, ia berikutkan langkah Bank Negara mengetatkan dasar fiskal dan kewangan negara termasuk pinjaman perumahan bank dan institusi kewangan.

"Kita sedia maklum hutang isi rumah negara amat membimbangkan dan perlu ada usaha untuk menekang hutang dari terus membengkak dan mengembang."

"Jika tidak ada langkah serius ini akan memberi kesan kepada ekonomi negara," kata Mohamed Azmin.



**Orang ramai mengunjungi Majlis Pecah Tanah dan Pendaftaran Rumah Selangorku di M Residence 2, Rawang**

## Kaji skim 'rent to buy' negara maju

**RAWANG** - Kajian terhadap model skim 'rent to buy' giat dijalankan bagi membolehkan penyewa yang berhadapan isu pinjaman perumahan memiliki premis yang mereka diamai.

Dato Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali berkata, model skim itu sudah-pun diamal di beberapa negara maju seperti United Kingdom, selain meneliti model pembiayaan perumahan skim itu.

"Sehingga mereka ada kemampuan, kita akan jual unit itu kepada penyewa pada harga munasabah selepas mengambil kira sewa dibayar sebelum itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah dan Pendaftaran Rumah Selangorku di M Residence 2, di sini, 15 Mei lalu.

Kata Mohamed Azmin, usaha itu dapat direalisasi jika mendapat kerjasama dan sokongan institusi kewangan dan pemaju perumahan.

## Kontroversi Tabung Haji: Ulama perlu tegur

**SHAH ALAM** - Ulama mahupun pemimpin gerakan Islam perlu berani mempersoal pemerintah bagi memastikan pengurusan Tabung Haji bersikap amanah, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Ulama, sarjana, pemimpin gera-

kan Islam dan rakyat keseluruhannya mesti berani bertanya; dan kita mempunyai tanggungjawab memastikan pengurusan dan pentadbiran berhemah."

"Umat Islam menuntut penjelasan jujur dan terbuka supaya mereka

yang mengkhianati amanah meletak jawatan dan dibawa ke muka pengadilan.

"Hingga kini tidak seorang pun bertanggungjawab dalam skandal ini dibawa ke muka pengadilan," katanya pada Luncheon Talk Buku 'Khalifah

Umar Abdul Aziz' 13 Mei lalu.

Menyatakan masyarakat berperanan memastikan pentadbiran sebuah kerajaan amanah, beliau berkata, amalan menggunakan wang yang diamanah untuk kepentingan peribadi bertentangan dengan Islam.

**Tugas penjawat awam adalah amanah, bukan keistimewaan**

## MB: Teladani Umar Abdul Aziz



OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Kisah Khalifah Umar Abdul Aziz yang tidak menyalakan lilin milik kerajaan ketika diziarah untuk urusan peribadi harus dijadikan teladan setiap penjawat awam.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali berkata, ia berikutan mereka pemegang amanah harta dan kepentingan rakyat.

"Pengajaran kisah itu ialah keperluan membezakan antara hak milik awam dengan hak milik persendirian; antara kepentingan awam dengan kepentingan keluarga

gan hak milik persendirian; antara kepentingan awam dengan kepentingan keluarga.

"Umar Abdul Aziz tidak muh gunakan lilin kerajaan untuk berbincang urusan keluarga. Prinsip itu penting dalam pentadbiran.

"Tugas dan tanggungjawab adalah amanah dan ibadah, bukannya keistimewaan," katanya ketika merasmikan Luncheon Talk Buku 'Khalifah Umar Abdul Aziz' Karangan Dr Ali Muhammad As-Shallabi, 13 Mei lalu.

“

**Pengajaran kisah itu ialah keperluan membezakan antara hak milik awam dengan hak milik persendirian; antara kepentingan awam dengan kepentingan keluarga**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar



**Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad mewakili Dato' Menteri Besar meraikan delegasi Kerajaan Kelantan pada Majlis Makan Malam**

## Bangunkan 'Shah Alam' di Kelantan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Kelantan muh mempelajari pendekatan Kerajaan Selangor merancakkan pembangunan dan keupayaannya meningkatkan hasil negeri, pada masa sama.

Menyifatkan bandar raya ini sebagai paling mengagumkan, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah menyifatkannya sebagai istimewa.

Beliau muh pembangunan rancak ibu negeri Selangor itu

menjadi contoh kepada Kerajaan Kelantan untuk membangunkan bandar baharu pada masa depan.

"Shah Alam, pada pandangan saya amat istimewa. Konsep dan pengisian yang ada membantu kita merangka dan merancang pembangunan bandar baharu di Kelantan.

"Beberapa perancangan sudah dibuat," katanya yang mengetuai delegasi Kerajaan Kelantan itu pada Majlis Makan Malam, 14 Mei lalu.

## Saling lengkap melengkapi

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali menyifatkan hubungan Kerajaan Selangor dan Kelantan sebagai lengkap melengkapi.

Berharap hubungan itu diérat, beliau berkata, kerjasama dua negeri bukan bersifat persaingan sebaliknya saling bantu membantu.

"Kalau boleh dibantu, kita akan bantu. Bukan untuk bersaing, sebaliknya untuk melengkapi antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada perbincangan bersama Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah yang mengetuai delegasi Kelantan ke sini, 15 Mei lalu.

Pertemuan satu jam 20 minit itu berlangsung di Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 22, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Antara yang dibincang ialah bantuan perumahan kepada mangsa banjir, langkah pembinaan rumah mampu milik dan pengurusan tanah.

# ISB terajui sektor pelaburan

OLEH NAEEM RAFFI

**PETALING JAYA** - Penjenamaan semula Selangor State Investment Centre (SSIC) kepada Invest Selangor Berhad (ISB) diramal membuka peluang pelaburan lebih luas.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yakin negeri termaju itu bersedia menjadi entiti global bersandarkan kepada kejayaan Selangor menyediakan pelbagai kemudahan dan prasarana pelaburan.

"Selangor bersedia menrajui sektor pelaburan. Kita ada pelabuhan laut terbesar, lapangan terbang, lebuh raya utama dan sistem pengangkutan awam serta pautan internet yang pantas."

"Jadi, kita perlu bergerak seiring dengan usaha semasa untuk menambah baik infrastruktur," katanya pada Majlis Pelancaran

Invest Selangor Berhad (ISB), 18 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Pelaburan, Datuk Teng Chang Kim dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Hassan Azhari Idris.

ISB adalah anak syarikat Kerajaan Negeri yang beroperasi sejak 1999 dan berperanan mempromosi Selangor sebagai destinasi pelaburan terbaik di Malaysia dan rantau Asia.

Prestasi pelaburan Selangor melalui ISB cemerlang dengan mencatat nilai pelaburan tertinggi RM117.75 bilion membabitkan 4,173 projek perkilangan iaitu 19 peratus daripada semua pelaburan diluluskan seluruh negara, bermula 2000 hingga 2014.

Sepanjang itu, RM60.45 bilion ialah pelaburan tempatan dan RM57.30 bilion pelaburan asing manakala 328,168 potensi peluang pekerjaan wujud.



Dato' Menteri Besar melancarkan imej baharu Invest Selangor Berhad di Hotel Hilton Petaling Jaya

## MB: Pasar raya perlu beri ruang niaga

**KUALA LANGAT** - Pasar raya perlu memberi peluang peniaga memasarkan produk mereka menerusi perkongsian pintar bagi merancakkan ekonomi tempatan.

Dato' Menteri Besar Mohamed Azmin Ali berkata inisiatif Pasar Raya SegiFresh mengembangkan industri peruncitan bersekali dengan peniaga kecil tempatan wajar dicontohi.

Katanya, SegiFresh menyediakan lebih 400 peluang pekerjaan malah bekerjasama melancarkan kad keahlian Segi-Skimsel bagi membantu peserta menikmati harga terbaik.

"SegiFresh terkedepan dalam hal ini. Falsafah perniagaannya selain mengembangkan industri peruncitan, turut melibatkan petani, nelayan, dan peruncit kecil tempatan," katanya.

Beliau berucap demikian pada Majlis Pelancaran segifresh2u di Pasaraya SegiFresh di Telok Panglima Garang, 17 Mei lalu.

Portal segifresh 2u.com membantu peniaga membeli pukal melalui e-dagang selain



Peniaga berpeluang memasarkan produk di pasar raya bagi meluaskan pasaran tempatan

memberi penjimatan kos dan perkhidmatan percuma.

Hadir sama, Pengurus Segi Value Holding Sdn Bhd, Chia Ah Hoo dan Ahli Lembaga Pengarahnya, Yang Mulia Syed Haizam Jamalullial.

Mohamed Azmin berkata, SegiFresh membantu peniaga meningkatkan kualiti produk

dengan memberi kursus pembungkusan supaya produk berdaya saing dan kompetitif.

"Peniaga kecil yang membesar perniagaan mereka memerlukan tapak mempromosi produk. Saya gembira SegiFresh beri jaminan membantu peniaga kecil menyediakan tapak khas," katanya.

## TEKUN patut contoh Hijrah Selangor

**KUALA LUMPUR** - Tabung Ekonomi Usahawan Niaga (TEKUN) patut menjadikan program Hijrah Selangor sebagai contoh bagi membantu usahawan tanpa mengira bangsa dan fahaman politik.

Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak) berkata, kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN, Datuk Abdul Rahim Hassan betapa TEKUN ditubuh untuk membantu ahli Umno, membuktikan Kerajaan Persekutuan menggunakan wang rakyat untuk kepentingan politik mereka.

Sebaliknya, beliau berkata, Kerajaan Selangor membantu semua tanpa mengira fahaman politik sekaligus membuktikan komitmen Pakatan Rakyat bagi meningkatkan taraf hidup usahawan.

"Saya tak berpuas hati jawapan kementerian kerana tidak menunjukkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan dana secara efisien dan adil."

"Dari kenyataan CEO TEKUN, menunjukkan dana itu diguna-

**Dari kenyataan CEO TEKUN, menunjukkan dana itu digunakan khusus untuk sogongan politik meraih sokongan kepada Umno BN**

**MOHAMED AZMIN ALI**  
Dato' Menteri Besar

kan khusus untuk sogongan politik meraih sokongan kepada Umno BN," katanya kepada media di lobi Parlimen, 18 Mei lalu.

Beliau meminta penjelasan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani punca hanya RM1.6 juta dari RM8 juta peruntukan TEKUN digunakan untuk orang Asal sejak dilancarkan dua tahun lalu.

Hijrah Selangor ialah program bagi membantu usahawan tempatan memperkembang perniagaan masing-masing melalui pinjaman dana tanpa faedah.

# JAKESS perkenal sistem Fast Track **Cerai dalam enam jam**

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Pasangan yang mencapai persetujuan untuk bercerai tidak perlu lagi menunggu 90 hari bagi menyelesaikan kes mereka.

Sebaliknya, proses itu diselesaikan kurang enam jam apabila Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) mewujudkan 'fast track'.

Ketua Hakim Syarie Selangor,  
Yang Amat Arif Dr Mohd Na'im



## **Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam**

Mokhtar menjangka sistem itu akan diperluas ke seluruh Selan-

"JAKESS bangunkan 'fast track' bagi kes perceraian yang ada persetujuan bersama. Sebelum ini, ia mengambil masa 90 hari.

"Kita sedang laksanakan kaji-an permulaan pelaksanaan 'fast track' di Mahkamah Syariah Petaling, Kuala Langat dan Sabak Bernam," katanya kepada Selangor Kini.

# LAPORAN KHAS



JAKESS bangunkan 'fast track' bagi kes percerai yang ada persetujuan bersama. Sebelum ini, ia mengambil masa 90 hari

DR MOHD NA’IM

Ketua Hakim Syarie Selangor

Beliau dimaklumkan pelaksanaan sistem itu berjalan lancar, malah beberapa mahkamah syariah peringkat daerah lain juga mula melaksanakannya.

Sehingga kini, katanya, sebanyak 12 Mahkamah Syariah sudah mewujud 'fast track' dan menyelesaikan 210 kes perceraihan dalam tempoh kurang enam jam.

## KES PERCERAIAN FAST TRACK DI SELANGOR

Mahkamah Syariah	Bilangan Kes
Gombak Darat	54
Sabak Bernam	19
Ampang	22
Hulu Langat	3
Kuala Langat	37
Petaling Jaya	3
Sepang	68
Hulu Selangor	4

\* Belum ada kes di Shah Alam, Klang, Kuala Selangor dan Gombak Timur

# Exco: Elak penindasan

**SHAH ALAM** - Sistem 'Fast track' diwujud bagi mengelak mana-mana pihak tertindas akibat kelewatan proses perceraiam.

Exco Hal Ehwal Agama, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata ia diyakini membantu kedua-dua pihak memulakan kehidupan baru selepas bercerai.

Beliau berkata, sistem itu juga dapat membantu pasangan terbabit menyelesaikan isu pembahagian harta dengan lebih cepat.

"Kita tak galakkan cerai tetapi kalau tak dapat elak dan rasa ia jalan terbaik, maka kita cari jalan supaya diproses sebaik mungkin.

"Ini menjadi keutamaan supaya tiada mana-mana pihak tertindas, malah dari segi

Maqasid Syariah, ia menjadi keutamaan, tidak menyusahkan, apatah lagi ada persetujuan kedua-dua pihak.

"Bagaimanapun di peringkat Jabatan Undang-undang Keluarga, kita masih anjurkan supaya elakkan bercerai.

"Cumanya, Fast Track untuk elak proses masa terlalu lama hingga memberi kesan tidak baik kepada pasangan memulakan hidup baru," katanya.

A promotional banner for a carnival. At the top left, there are icons of a mosque and a minaret. The main text reads "22 & 23 MEI 2015 JUMAAT & SABTU" in large yellow and red letters. Below it, "Masjid Jamiul Ehsani Kg Sijangkang Kuala Langat" is written. To the right, the text "PERCUMA !!!" is in a yellow starburst. In the center, there's a large red arrow pointing right with the text "FAMERAN & JUALAN, PERTANDINGAN" above it, followed by a list of activities: Teh Tarik, Tarik Tel, Dart, Mewama, Seni Khat, Gubahan Sireh & Masakan Tradisional, AKTIVITI MENARIK, Sukaneka, Memanah Tradisional, Paramotor, Suppa Dooga, Forum Perdana, Tahnik Perdana, KENDURI RAKYAT. To the right of the arrow, the carnival title "karnival Kampungku kesayanganku DAERAH KUALA LANGAT" is displayed in large, colorful letters. At the bottom, there are several men in traditional Malay clothing (baju melayu and songkok) standing together, and a large portrait of a man in a baju melayu on the right.

# Perlu beri perjelas kepada masyarakat

**SHAH ALAM** - JAKESS perlu memberi penerangan meluas berhubung sistem 'fast track' perceraian yang dibangunkan bagi mengelak kekeliruan di kalangan umat Islam.

Penasihat perniagaan, Ahmad Rushdi, 32, berkata JAKESS wajar mempertimbang supaya memasukkan isu itu dalam silibus kursus perkahwinan.

Katanya, JAKESS perlu menggunakan semua medium termasuk media sosial untuk memastikan pemahaman orang Islam dalam isu itu.

"Bagus sebab dahulu ambil masa 90 hari, sekarang cuma enam jam tetapi pengguna perlu lebih faham adakah ia sekadar proses dokumentasi semata-mata atau lebih menyeluruh?

"Ini pendekatan baik, cuma dari segi informasi perlu dipergiat dalam konteks lebih lengkap supaya orang tak fikir mudah untuk bercerai," katanya.

Pekerja swasta, Misraharjo Masrudin, 47 pula mahu JAKESS perlu menimbang hal itu sedalam-dalamnya sebelum melaksanakannya.

"Kurang bersetuju kerana terlalu mudah dan cepat. Pasangan yang bertahun-tahun bersama, boleh berubah fikiran. Mungkin sebulan lebih sesuai berbanding enam jam."

"Apapun, saya fikir elok orang ramai diberi penerangan lebih mendalam dan benar-benar faham motif sebe-



Misraharjo Masrudin



Sani Masban

narnya," katanya.

Pekerja perhotelan, Sani Masban pula berkata, pasangan yang mahu bercerai separutnya diberi masa lebih panjang untuk memikirkannya.

"Kurang enam jam terlalu cepat sebab manusia mungkin berubah pendirian. Mungkin tengah marah tetapi sejuk balik lebih-lebih lagi bila memikirkan anak," katanya.



“

Ini pendekatan baik, cuma dari segi informasi perlu dipergiat dalam konteks lebih lengkap supaya orang tak fikir mudah untuk bercerai

**AHMAD RUSHDI**  
Penasihat perniagaan

# Elak sengketa selepas berpisah

**SHAH ALAM** - 'Fast track' untuk pasangan yang mencapai persetujuan bersama untuk bercerai dibangunkan bagi menggalakkan mereka menyelesaikan pertikaian secara baik.

Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang, berkata 'fast track' itu mensyarat pasangan supaya menyelesaikan isu berbangkit melalui perjanjian di luar mahkamah.

"Kalau dua-dua pihak ada persetujuan memang tak boleh bersama, digalak selesaikan cepat kecuali kalau pihak tak bersetuju atau satu pihak mahu pertahankan perkahwinan itu.

"Jika tiada persejutan bersama untuk berpisah, pasangan terbabit perlu melalui prosiding biasa, bukan 'fast track,' katanya.

Beliau berkata, perjanjian penyelesaian atau 'suhu' di luar mahkamah itu boleh dibuat pasangan terlibat ataupun melalui peguam masing-masing sebelum difail di mahkamah.

"Fast track' untuk kes yang ada persetujuan awal untuk failkan kes untuk lafaz, untuk rekod semua persetujuan mereka sama ada persetujuan ini mereka buat sendiri atau pun melalui peguam.

“

**Fast track' untuk kes yang ada persetujuan awal untuk failkan kes untuk lafaz, untuk rekod semua persetujuan mereka sama**

**MUSA AWANG**  
Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM)



"Ia mudah dapat tarikh cepat. Mungkin pada hari sama kalau ada hakim," katanya yang menolak tanggapan 'fast track' menggalakkan perceraian.

## SELANGOR

### SIDANG PENGARANG

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit  
**PENGARANG BERITA:** Hafizh Mokhtar & Nurul Farina Nazlan  
**PENOLONG PENGARANG** Mohd Ezli Mashut  
**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,  
 Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,  
 Afiz Redzuan : afizredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,  
 Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazliibrahim@gmail.com,  
 Syazwani Sufian : syazwanisufian@ccsb.selangorku.com  
**JURUGAMBAR:** Raheemie Ariffin, Shuaib Ayob & Asri Sapie  
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB  
 Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuitik 13/43,  
 Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
 Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

## PUSAT KOMERSIAL DENGAN AKSES MENYELURUH DI PUCHONG SELATAN



• REKA BENTUK MODEN DENGAN TINGKAP BERHADAPAN • 95% LENGKAP  
 • RUANG LETAK KERETA YANG MENCUKUPI • 10% DISKAUN BUMIPUTRA

LEBUHRAYA LDP

KE CYBERJAYA Universiti Multimedia Universiti Teknologi Petronas KE PUTRAJAYA

KE SUNWAY

KEDAI PEJABAT 3 & 4 TINGKAT - 24' X 75'

Tujuh Lantai Perkembangan Premier Daripada:

Hap Seng Land

03-8958 0880 / 017-208 7277

www.hapsengland.com

GALRI JUALAN

D'Alpinia Sales Gallery,  
No.7, Jalan D'Alpinia 10,  
Taman D'Alpinia,  
47120 Puchong, Selangor.

# Tempatan

8 | Selangorkini 22 - 29 Mei 2015



▲ Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi mengunjungi Sekolah Kebangsaan Klang Utama dalam sesi lawatan ke sekolah-sekolah sekitar DUN Sementa



▲ Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan bersama pasukan Kampung Labu Lanjut yang menjadi juara Perlawanan Bola Sepak Persahabatan 4 Penjuru Trofi Adun N56 Sungai Pelek 2015 yang bertempat di Padang Awam Kampung Baru Lanjut



PINNACLE  
KELANA JAYA

RETRO • RENAISSANCE • KEUNIKAN

BUMI DISKAUN 10% • REBET KHAS 5%  
PERABOT SEPARA LENGKAP  
150M KE PARADIGM MALL, KELANA JAYA

03-7960 6188  
[WWW.PINNACLEWORLD.COM](http://WWW.PINNACLEWORLD.COM)

GPS COORDINATE : 3.1040,101.5934

Pembangunan Usahamaya Dengan  
Perantara Properties Sdn Bhd (67951-X)  
Pemaju  
Tanjung Miras Kelana Sdn Bhd (1089642-X)

 PINNACLE®



▲ Haniza Talha berbincang dengan peserta Gotong Royong pencegahan denggi di pangaspuri Desa Sepakat. Program anjuran bersama Kelab Rukun Tetangga, Pejabat ADUN Taman Medan dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya



▲ Adun Gombak Setia, Hasbullah menyampaikan sumbang-  
an kepada wakil Hospital Orang Asli Gombak sempena Hari Jururawat



Milikilah Kediaman Idaman Anda Hari Ini!

# UNIT BUMIPUTRA SAHAJA

Berdekatkan persimpangan **MEX** (sedang dibina)

— RUMAH BERKEMBAR & SUPERLINK —



[www.sunwayproperty.com/eastwood](http://www.sunwayproperty.com/eastwood) 019 3811832

Sunway Eastwood Sdn Bhd (58327-7)  
Lobby Level, Menara Sunway,  
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway,  
47500 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel: 03-5639 9000

Sales Gallery :  
Sunway Eastwood Gallery,  
Jalan Equine 3, Taman Equine,  
43300 Seri Kembangan, Selangor.



Sunway Property  
 Sunway Property

\* Developer: Sunway Eastwood Sdn Bhd • Lobby Level, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, 47500 Bandar Sunway, Selangor DE • Developer's License No.: 11718-1/12-2015/02529(L) • Validity Period: 21/12/2014-20/12/2015 • Advertising & Sales Permit: 11718-1/12-2015/02529(P) • Validity Period: 21/12/14 to 20/12/15 • Tenure of Land: Leasehold 99 years (Expiring on 25 June 2112) • Land Encumbrances: Alliance Bank Malaysia Berhad • Restriction in Interest: The land shall not be transferred, leased or charged without prior approval by the State Authority. Phase 1C (Semi-D) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/KW/C-9/58 • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: September 2017 • Semi-D (Type E), 11 units, Price: RM2,745,000 (min) - RM3,072,000 (max) • Semi-D (Type F), 18 units, Price: RM2,461,000 (min) - RM2,880,000 (max) • Developer's License No.: 11718-2/02-2016/0140(L) • Validity Period: 15/02/2014-14/02/2016 • Advertising & Sales Permit: 11718-2/02-2016/0140(P) • Validity Period: 15/02/2014 to 14/02/2016 • Phase 3 (Park Villa) • Building Plan Reference No.: MPSJ/BGN/600-1/104 (BP8-5) • Approving Authority: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Expected Date of Completion: February 2017 • Park Villa (Type A): 25 units, RM1,430,000 (min) - RM1,896,000 (max); Park Villa (Type B): 36 unit, RM1,495,000 (min) - RM1,832,000 (max); Park Villa (Type C): 5 unit, RM1,273,000 (min) - RM1,681,000 (max) • Bumiputra discount of 7% • The information contained herein is subject to change without notification as may be required by relevant authorities or the developer's consultant and cannot form part of an offer or contract. Actual built-up of units may vary slightly from measurements given. Whilst every care is taken in providing this information, the owner, developer, managers cannot be held liable for variations. All illustrations and pictures are artist's impressions only. The items are subject to variations, modifications and substitutions as may be recommended by the Company's consultants and/or relevant Approving Authorities.

**SUNWAY™**

OLEH NAJMUDDIN YUSOFF

**P**ersoalan 'penulis mati lepas karya terbit' begitu rapat dengan Aziz Zabidi hingga melahirkan cerpen berjudul *Deus Ex Machina* terbitan Selangor Kini edisi 13 Mac 2015.

Ia kejutan menyenangkan. Apabila watak penulis novel remaja Desa Tercinta itu dimatikan dan dihidupkan kembali melalui emel yang bercerita tentang kesudahan novel yang ditulis belasan tahun lalu - jelas Aziz (dan mungkin ramai penulis lain) sebenarnya terbeban dengan karya sesudah menulisnya.

Setelah dibaca ramai orang, membuka ruang khayalan dan interpretasi tak terbatas, berjayakah karya mereka?

Adakah ia mencapai maksud yang dingin penulis? Adakah epal hijau yang cuba dihidang tapi dinikmati sebagai epal merah oleh pembaca? Atau lebih jauh, sebagai pisang? Adakah niat baik yang cuba didoktrin benar-benar memandu kepada kebaikan atau menyimpang hingga pembaca jadi jahat.

Berdosakah si penulis? Dalam cerpen itu, penulis novel itu membawa seksaan tersebut bersama ke kubur.

Mungkin kerana mahu membebaskan diri dari rasa tersebut, Aziz melalui *Deus Ex Machina* menegaskan penulis perlu dimatikan selepas karyanya terbit. Yang ada hanya karya yang menjadi hak pembaca untuk menentukan bagaimana menghayalkannya?

Penulis tidak perlu lagi memaksakan maksud asal karya ke atas pembaca. Aziz seolah-olah mahu memberitahu, secara kasarnya - sebagai pembaca, suka hati kaulah untuk memilih siapa bercinta dengan siapa. Kalau kau sendiri mahu bercinta dengan gadis di dalam cerpen, lakukannya. Itu hak engku. Kalau itu pun kau tidak boleh lakukannya, tidak perlulah jadi pembaca.

Jadilah seorang yang tak perlu berfikir. Jadi orang mati.

Penulis hanya menunjukkan jalan. Terpulanglah kepada pembaca melalui lorong imaginasi. Aziz menunjukkan, setelah mematikan penulis novel Desa Tercinta itu, pembaca bebas mengolah kefahaman mereka. Lebih dahsyat menukar jalan cerita dan pengakhiran karya.

# 'Penulis mati selepas karya terbit'



Terpulang. Penulis dimerdekakan, pembaca juga dibebaskan.

Membaca *Deus Ex Machina*, Aziz sebagai penulis tentu mengharapkan kita tidak lagi membebankan diri dengan soalan bukan-bukan. Jangan digangu kerana dia sudah mati. Hidupnya selepas ini hanya untuk menulis cerpen seterusnya.

Apabila mengulas cerpennya, Aziz tidak perlu dipertanggungjawab untuk membentulkan ulasan ini. Bahawa mungkin cerpennya itu sebenarnya mahu berwacana tentang bagaimana rupa bentuk karya bermoral, misalnya. Ketepikan kerana ini jalan yang dipilih sebagai pembaca (dan pengulas).

Apabila Syahmi Fadzil menamatkan

cerpennya *Unicorn Sebelah Rumah* (Selangor Kini terbitan 5 Mac 2015) dengan dialog "untuk bebas tanpa tujuan, ia membosankan", terpulanglah kepada pembaca untuk memilih kefahaman bagaimana tentang kata 'bebas', 'tujuan' dan 'membosankan'.

Saya memilih untuk memahami bahawa tiada kebebasan yang wewenang dalam hidup. Kebebasan sebenar apabila kita menyerah sepenuhnya kepada Yang Maha Kuasa. Paradoks bukan, kebebasan dan menyerah pada masa sama?

Apabila *Good Boy* karya Ridhwan Saidi (Selangor Kini bertarikh 26 Februari 2015) mewatakkann seorang lelaki yang taat kepada bos, mungkin pembaca memahami itu ciri-ciri pekerja yang

baik. Dalam hubungan hamba dengan Tuan, itulah yang kita cari.

Mungkin ada pembaca mengatakan itulah lelaki dayus yang perlu disebat 40 kali di laman KLCC, biar satu dunia tahu kedayasannya. Adakah Ridhwan perlu tampil menceritakan niatnya menulis cerpen itu? Bagaimana kalau Ridhwan mengatakan kedua-dua jalan itu tidak benar?

Dalam diskusi di Facebook E-Sastera Kritikan, mengapa menulis kalau pembaca tidak perlu mengikut kefahaman penulis? Maka, kesilapan besar menjadi penulis mengharapkan orang hanya bersetuju dengan kita.

Menulis karya kreatif mencipta dunia baru. Dalam dunia luas itu, penglihatan manusia terhad. Penulis bijak akan mahu melihat dari kaca mata orang lain, agar dia dapat menimba pengalaman baru dalam dunia yang diciptakan.

Bagi Prof Dr Irwan Abu Bakar, pengasas esastera - tidak sahaja terhad kepada karya tulisan - apa sahaja yang berlaku sehari-hari, dilihat mengikut siapa kita, bukan apa perkara itu.

Karya hanya dinilai berdasarkan siapa dan apa niat pembaca/penerima. Bukan bagaimana niat asal penulis. Pembaca akan sentiasa menang. Sekurang-kurangnya menurut Aziz, dunia sastera kita punya satu contoh klasik.

"Apabila Interlok dibantah oleh masyarakat India atas alasan teks tersebut menyokong rasisme, SN Abdullah Hussain menyanggah dan menyatakan niat kepenggarangannya, pun begitu pada akhirnya, teks itu ditarik balik daripada menjadi teks pengajaran di sekolah."

"Pembaca yang mentafsir teks itu sebagai teks yang berbau rasis telah menang, mengatasi tafsiran pengarang sendiri," tulis Aziz.

Doktrin 'penulis mati lepas karya terbit' walau terdedah kepada segala macam interpretasi, ia penting untuk membebaskan pengarang dari beban moral hasil perbezaan fahaman pembaca.

Jika tidak, tiada yang akan mahu jadi penulis. Dan yang rugi adalah pembaca.

## SEPERTI KOPI, BURUNG, SUNGAI DAN MAKSDU PUISIKU

*Izinkan aku hantar sebahagian gem-bira ke wajahmu  
kerana ia perlu dibahagi-bahagi  
seperti sepotong puisi dan secawan  
kopi pahit di kafe mewah  
mungkin menjadikan lidah kita se-rupa  
hitam kemerahan, berbahasa dan  
sempurna*

*atau biarkan aku mencari*

*sebuah pokok rendang  
untuk kau berteduh ketika burung-  
burung terbang mencari air  
dan singah di sebatang sungai dalam  
puisiku  
arusnya perlahan dan dingin  
untuk kita tetap berbagi rasa  
mungkin menjadikan kulit kita sama  
tenang dan mulus*

*paling akhirnya aku mahu serahkan*

*sebahagian sedih  
bukan maksudku menjadikan kita  
kecewa  
tapi supaya kita usir dengan ringan  
mungkin menjadikan kita lebih sem-  
purna  
seperti kopi, burung, sungai dan  
maksud puisiku.*

*N FAIZAL GHAZALI  
ALOR SETAR, Kedah*

OLEH EZZMER DARUH

**A**ku mengepal angin sepoi-sepoi yang bertiup lembut di cuping telinga. Aku gumpal dan masukkannya ke dalam botol kaca.

Kemudian, aku goncang botol itu perlahan-lahan dengan harapan gumpalan angin tadi bertukar menjadi jelmaan mak. Namun sehingga terhempas botol kaca itu mak masih tidak muncul. Usaha aku gagal lagi.

Malam muncul lagi dalam pusingan waktu.

Buku itu sudah lama aku perhatikan. Ia hanya sebuah buku catatan biasa. Namun tiada siapa daripada kami adik beradik yang berani sentuh kerana ia berada dalam almari ayah.

Malam itu, ayah keluarkan buku itu semasa kami sedang makan malam. Debu pada permukaannya ditepuk dan disapu perlahan-lahan.

Aku tengok tangan ayah yang sudah berkedut kulitnya. Sudah lama usia tangan itu. Sudah banyak kerja kuat yang ia lalui. Demi kami adik beradik. Demi kami sekeluarga.

Aku hanya perhatikan raut wajah ayah yang nampak agak berat untuk membuka buku itu. Sungguhpun kami tidak tahu apa isi di dalamnya tetapi kami tidak sabar untuk mengetahui.

Dengan tangan terketar-ketar, ayah buka buku itu perlahan-lahan. Kami hanya melihat dan meneruskan makan malam. Ayah perhatikan seorang demi seorang antara kami. Buku yang dibeleknya dari tadi ditutup semula.

"Malam ini kita hanya berempat ya." Ayah terketar-ketar memulakan perbualan. Kami hanya memandang sesama sendiri.

"Semasa ayah menulis buku ini, ayah tidak pernah tahu di mana kita sedang duduk pada masa ini. Ayah hanya seronok menulisnya. Ayah fikir kita hanya akan lalui masa yang gilang-gemilang antara kita. Tidak ada cacat cela. Tidak ada gundah gulana."

"Tetapi ayah silap. Hidup berkeluarga seperti juga kita menjaga sebuah negara. Ayah sebagai kepalanya. Ayah tak pernah minta kita untuk jadi begini."

"Tetapi dalam sudut lain, ayah fikir ini cabaran buat ayah. Ayah ajak semua anak ayah di hadapan ini untuk harungi masa yang mendatang sebagaimana bahagia kita dahulu."

Kami masih tidak mempunyai kata-kata untuk itu. Baik kak long, abang dan aku. Masing-masing tidak panggung kepala kepada ayah. Hanya menunduk. Kami malu buat ayah macam ini. Kami malu sebagai jagaan ayah, buat ayah berasa salah.

Ayah tidak sepatutnya berada dalam keadaan begini pada waktu ini. Ayah mesti terus rasa bangga dengan ada-

# BUKU LAMA

## Dalam Almari Ayah



**Semasa ayah menulis buku ini, ayah tidak pernah tahu di mana kita sedang duduk pada masa ini. Ayah hanya seronok menulisnya. Ayah fikir kita hanya akan lalui masa yang gilang-gemilang antara kita. Tidak ada cacat cela. Tidak ada gundah gulana**

nya anak-anak seperti kami. Tetapi kami telah buat ayah berasa sebaliknya.

"Ayah!" Kak long memulakan bicara.

"Kami minta maaf ayah. Buat ayah berasa bersalah. Kami yang patut bersatu dan pastikan tidak ada antara kami yang menyengkirkan keluarga ini." Along menambah.

"Betul ayah, soal kak ngah nanti abang akan usahakan."

Aku hanya diam. Sebagai anak bongsu aku tidak banyak bercakap.

Tetapi buat masa ini, tidak ada siapa yang bongsu tidak ada siapa yang su-

lung. Dari dalam mata hitam kecil ayah, tergerak suatu niat yang inginkan anak-anaknya terus bersatu untuk menjalinkan masa depan keluarga kami terus gemilang seperti 10 tahun lalu.

Seperti mula-mula kami naik rumah baharu dahulu. Ketika ayah mula membelek helaian demi helaian buku catatan itu, tekak aku seakan ingin bersuara.

"Ayah tahu semua rindukan mak, tapi kita tidak boleh pusing waktu ini. Kita sudah berada di tahun keenam pemergian mak. Walaupun jam dingding rumah kita harganya beratus ribu tetapi masa terus ke hadapan."

Nyata ayah telah membaca fikiran aku sepertimana dia pernah membaca fikiran anak-anaknya sebelum ini. Ayah sangat arif tentang perilaku anak-anaknya, begitu juga mak dahulu. Sering sahaja tertunai niat kami adik beradik walau tidak sepenuhnya dan walau lambat sedikit.

Ayah berusaha untuk puaskan hati anak-anaknya. Aku masih ingat. Setelah pulang dari sekolah, ayah minta aku untuk ke dapur dengan muka bengis. Aku tahu kalau ayah marah dia hanya membuat muka dan wajah itu sangat memberi kesan kepada kami.

Aku segera ke dapur dan mendapat terdapat sepasang rim basikal baru. Ayah cakap ini hadiah kepadaku kerana sebelum itu ayah lihat aku menggosok rim basikal lama yang sudah karat.

Air mata aku menitis sayu.

Sekarang ini, di meja makan ini. Kami hanya berempat. Kalau dahulu kami berenam dan muat-muat duduk dalam kereta Proton Saga ayah. Kak Ngah sudah jarang pulang selepas bersuami. Dan kalau pulang pun ayah tidak dapat merasainya.

Kami tidak boleh buat apa hanya berserah pada yang Esa supaya bukakan hati dia dan suaminya supaya balik menjenguk ayah.

Mak pula sudah enam tahun pergi ke alam baqa'. Alam yang kekal dan meninggalkan kami di dunia sementara. Ayah tepuk belakang kami bertiga supaya tidak terus goyah, malah perlu lebih kental menghadapi usia mendatang.

Mungkin hasrat ayah yang telah lama terbuku sedikit terdedah. Ayah begitu terkilan dan pernah mengucapkan, "Ayah macam ada anak tiga orang."

Dan buku itu perlu diselak hari demi hari untuk kami bertiga, lebih enak kalau berempat kerana ayah akan tinggalkan buku itu untuk catatan kami pula. Ayah menutup buku itu dan tinggalkannya.

Kami dapat lihat, ada tajuk tercatat "Sudah Lama Terbuku."

**Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiar di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang**

# Lot tanah dalam sungai

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Pewartaan khas Sungai Selangor dan Sungai Langat membantu menyelamatkan sungai itu dari diceroboh atas alasan pembangunan.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong mahu memas-

tikan anak sungai itu terpelihara dari pencemaran akibat aktiviti berisiko tinggi.

"Dua sungai yang diwartakan itu melibatkan hampir 300 anak sungai. Menerusinya, 50 meter kawasan tebing sungai terpelihara kerana ia zon perlindungan," katanya kepada Selangor Kini.

Bagaimanapun, beliau berkenaan, pihaknya menemui beberapa lot tanah dalam sungai dan kes itu dirujuk kepada jabatan berkaitan.

"Ada kawasan perusahaan Kuala Kubu Bharu di Sungai Kubu diwartakan ketika era pemerintahan Umno BN pada 1984.

"Kes itu dirujuk Pegawai Daerah untuk pastikan sama ada ia masih tanah kerajaan atau lot individu. Kita akan cuba selamatkan dari status perusahaan," katanya.

Beliau menjangka perbincangan lanjut bersama Pegawai Daerah berhubung hal itu dibuat bulan depan.

Pada 2013, Sungai Selangor dan Sungai Langat diumum dilulus untuk pewartaan khas supaya ia terpelihara dari pencemaran termasuk semua punca dan anak sungai ke dua sungai itu.

"Kita pemandang serius demi memastikan sungai sebagai agen pengalir berupaya menyumbang sumber air baik dan berkualiti," katanya.



**Dua sungai yang diwartakan itu melibatkan hampir 300 anak sungai. Menerusinya, 50 meter kawasan tebing sungai terpelihara kerana ia zon perlindungan**

**LEE KEE HIONG**  
Adun Kuala Kubu Bharu



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN TAMBAHAN BILIK DARJAH DAN BANGUNAN KANTIN DI SEKOLAH RENDAH AGAMA TAMAN BUNGA RAYA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI DALAM DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.  JKR/SEL/(N)017/(T)/2015	Bumiputra T1	CIDB, SPKK,PKK & UPEN  Gred : G6  Kategori : B  Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  Gred : G6  Kategori : B  Pengkhususan: B04	<b>RM450.00</b>  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  27.05.2015 (Rabu)  Sehingga 09.06.2015 (Selasa)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor  Pada: 17.06.2015 (Rabu)  Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447752

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam sijil PKK,SPKK,PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkennaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkennaan)

*Jenis Syarikat Tempatan:	- T1	Syarikat 100% milik tempatan
	- A1	Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
	- A2	Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

## Isu Sungai Kempas dirujuk ke LUAS

**SHAH ALAM** - Kes pencemaran air di Sungai Kempas akibat Projek Pembinaan Bangunan (reban) Ayam Tertutup sudah dirujuk ke Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, berkata projek dibangunkan di Mukim Kerling itu dikhawatir mengundang risiko banjir berikutan kerja penebangan pokok dan merafa batukit.

"Surat mengenai pencemaran sungai berkenaan dihantar kepada Pengarah LUAS, Menteri Besar dan jabatan berkaitan.

"Saya tidak halang pembangunan tetapi projek itu lebih mendatangkan kesan buruk kepada alam sekitar bahkan penduduk," katanya.

Projek reban ayam itu mendapat bantahan penduduk

ekoran air sungai menjadi keruh dengan lumpur khususnya ketika hujan.

Difahamkan, aliran Sungai Kempas bersambung Sungai Kerling dan Sungai Selangor, malah berdekatan Loji Air Batang Berjuntai.

"Tinjauan mendapati pembinaan reban ayam itu tidak menyediakan tadahan air sisa sebelum dialir ke anak sungai.

"Kawasan tadahan air dan anak sungai dipromosi sebagai Eco-Pelancongan. Jadi, pencemaran air sungai akibat projek dikesali," katanya.

Sebelum ini, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menganjurkan arahan kepada pemaju projek menghenti kerja sementara menerima maklum balas Kerajaan Negeri.



## Rumah kebajikan terharu terima sumbangan

**SHAH ALAM** - Tiada yang lebih menggembirakan buat Rumah Amal Baitul Fitrah (Baitul Kasih) Rawang apabila menerima sumbangan dana bagi keperluan asas anak-anak yatim dan ibu tunggal.

Pengasasnya, Masliza Abu Bakar berterima kasih atas sumbangan apatah lagi ia diperlukan untuk kebajikan penghuni rumah itu.

Katanya, seramai 27 anak yatim dan ibu tunggal menghuni di situ dan beroperasi sendiri termasuk melalui sumbangan orang ramai.

"Alhamdulillah atas sumbangan untuk keperluan anak-anak di Baitul Kasih. Sedikit sebanyak melancarkan operasi rumah kebajikan dan anak-anak yang memerlukan perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Dana Fasa Pertama oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 13 Mei lalu.

Rumah Amal Baitul Kasih itu antara 49 pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGO-i) yang menerima bantuan kewangan RM960,000.

Ia bagi memperkasa gerakan dakwah pertubuhan dan rumah kebajikan di Selangor melalui pelbagai aktiviti dan



**Masliza Abu Bakar**

program yang akan dijalankan dari masa ke masa.

Sumbangan menggunakan dana asnaf Al-Riqab, Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu diserahkan Pengurus Penyelaras NGO-i MAIS, Datuk Mohd Shukri Dahlan.

Sebuah rumah dan pertubuhan dakwah menerima bantuan antara RM10,000 hingga RM30,000 bergantung kepada aktiviti dakwah.

Penerima, Mohd Fauzi Mohd Yatim yang mewakili Badan Dakwah Daerah Hulu Langat berjanji untuk memanfaat sumbangan itu demi memastikan aktiviti berjalan lancar.

"Kita dapat memastikan operasi badan dakwah lebih lancar lebih-lebih lagi kita banyak berurusan dengan surau dan masjid," katanya.



**Datuk Mohd Shukri Dahlan (tengah) bertukar pandangan dengan penerima bantuan NGO Islam di Majlis Penyerahan Sumbangan Dana Fasa Pertama di Shah Alam**

# Penyakit kencing tikus naik mendadak

OLEH AFEEQA AFEERA

**PETALING JAYA** - Kes penyakit kencing tikus yang boleh mengakibatkan kegagalan fungsi ginjal dan kematian meningkat ketara di daerah ini.

Setakat Mei, Datuk Bandar, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata sebanyak 382 kes dilapor dengan 121 daripadanya dilapor dalam pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Jumlah itu hampir separuh daripada keseluruhan 738 kes sepanjang tahun lalu di daerah itu.

"Kurang setengah tahun, MBPJ mencatat peningkatan ketara berbanding tahun lalu," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Kawalan Tikus 'Mr Rat' di Seksyen 21, 16 Mei lalu.

Beliau berkata, MPBJ diminta menggiatkan usaha pengurusan sampah dan membendung penularan tikus melalui kerjasama peniaga, penduduk dan badan bukan kerajaan.

Katanya, sejumlah 50 perangkap tikus diagih kepada persatuan peniaga, diikuti penutupan lubang tikus, semburan asap ke



**Mohd Azizi**

lubang tikus dan meracun tikus.

"Sisa makanan atau sampah perlu dibuang teratur supaya tikus tiada ruang membiak. Makanan perlu dimasuk ke bekas tertutup atau disimpan dalam stor yang bersih," katanya.



**SIERRA 6**  
Superlink 3 Tingkat  
IOI SIGNATURE

### SUPERLINK EKSKLUSIF YANG LUAS DAN MEWAH

Sierra 6 memberikan gaya kehidupan yang anda idamkan.

- Harga daripada RM1,392,024\*
- Saiz lot daripada 27' x 73'
- Keluasan binaan daripada 3,526 kps
- Sistem keselamatan rumah
- Kunci digital untuk pintu depan
- Komuniti berpagar
- Rumah pengawal keselamatan dengan kawalan CCTV dan sistem akses kad
- Dua bilik tidur utama dengan kelengkapan bilik mandi berjenama Toto dan Grohe\*\*
- Sistem pemarasan air solar dan sistem penyaluan hujan

Rumah Contoh Dibuka Untuk Kunjungan | Isnin – Ahad (10 pg – 5 ptg)

Hubungi : 03-8944 9999 atau laman [www.sierra6superlink.com.my](http://www.sierra6superlink.com.my)

Properti Perkasa Sdn Bhd  
**IOI PROPERTIES**

Pemilik:  
LLUSH DEVELOPMENT SDN. BHD. (No. S4U 148035-U)  
pti. Kumpulan IOI Properties Group Bhd  
ML Two IOI Square, IOI Resort, 62502 Putrajaya, Malaysia.

Pusat Jualan & Pemasaran:  
**IOI GALLERIA@16 SIERRA**  
Persiaran Sierra Utama, Bandar 16 Sierra, 47110 Puchong, Selangor D.E.  
Tel: 03-8944 9999 | Fax: 03-8944 9959 | E-mail: 16sierra.marketing@ioigroup.com  
Terima Tahniah! 06/05/2015 • Pada Perkongsian Yang Melakukannya Pihak Pengguna: Muda Profesional Group  
• No. Rejestrasi Perkhidmatan MPP/PG/MG/2011 • Tarikh Dangguan: Paya Ter待 10/10/2016 • Belahan Tanah Total: 16A/5/2108 • Belahan Tanah Total: J113 • Harga: RM1,392,024 (RM1,392,024)\*  
• 75% Dikemas Untuk Berusaha • Selesa Rasmilangan: Tarikh: H1 setiap dua minggu dengan Keterbatasan Pihak Berkuasa Negeri • Sesajah maklumat mengenai kerja aman adalah hadi setiap seorang pekerja sahaja. \*Harga Bermula: \*\*Jenis E setaja.

## Bantuan Skim TUNAS disalur automatik

**KLANG** - Prosedur permohonan supaya peruntukan RM4 juta melalui Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS) kepada tadika dan taska akan diper mudah.

Ketua Pegawai Operasi Rantau Mesra Sdn Bhd (RMSB), Kamsani Nasir, berkata bayaran dicadang dibuat secara automatik dari akaun negeri ke akaun tadika.

"Kita bercadang buat bayaran dalam tempoh suku ta-

hunan iaitu tiga bulan sekali supaya isu tunggakan tidak timbul," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan bantuan kepada 2,458 kanak-kanak dari 124 tadika sekitar DUN Selat Klang, 14 Mei lalu.

Setiap mereka menerima bantuan RM50 sebulan bermula Januari hingga Mac dengan jumlah keseluruhan RM366,870.

Selain itu, Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR) turut diserahkan kepada 157 kanak-kanak dari 20 taska DUN berkenaan.

Bantuan disampaikan Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali di Pusat Khidmat DUN Selat Klang.

Lebih 8,000 kanak-kanak di seluruh negeri menikmati manfaat Skim TUNAS sejak dilancarkan pada 2012.

Lepasan INSPEN jadi rebutan

# Mudah dapat kerja

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Inpens International College (INPENS) berkeupayaan melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi selaras kehendak pasaran.

Ketua Eksekutif Inpens, Rosli Ibrahim, berkata permintaan tinggi membuktikan pengalaman lebih 20 tahun INPENS beroperasi mendapat kepercayaan pelbagai pihak.

Demi kemajuan masa depan, katanya, perbincangan dengan Kerajaan Negeri bagi memperbesar operasinya termasuk membuka cawangan di lokasi lain, dibincang.

"Kampus induk di Kuala Selangor hanya mampu menampung 1,000 hingga 1,200 pelajar dan ia terhad," katanya kepada Selangor Kini.

Rosli berkata, INPENS menjadi tumpuan lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang

berminat mengikuti kursus kemahiran.

Antaranya, Mekanik Penyejukbekuhan dan Penyamanan Udara, Pelukis Pelan Kejuruteeraan Mekanikal, Juruteknik Motosikal, Juruteknik Automotif dan Juruteknik Kenderaan Motor.

Katanya, pelajar lepasan PMR boleh melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, malah memendekkan tempoh pembelajaran di kolej berkenaan.

"Kita terima permintaan pelbagai syarikat bagi mendapatkan lepasan pelajar. Ini perkembangan baik bagi INPENS," katanya.

Seramai 400 hingga 500 pelajar menamatkan pengajian di INPENS dalam pelbagai bidang kursus setiap tahun.

Untuk maklumat lanjut, boleh melayari [www.inpens.edu.my](http://www.inpens.edu.my) atau hubungi 03-3281 2619.



Pelajar Kolej INPENS membantu memasang semula litar pendawaian elektrik di Maahad Tahfiz Quran al Ansar Kampung Asahan yang rosak dipukul ribut

# Stadium mini rancakkan sukan

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SUNGAI BULOH** - Sukan bola sepak di Paya Jaras dijangka bertambah rancak apabila kerja menaik taraf padang bola sepak Kampung Paya Jaras Hilir, selesai.

Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, berkata permohonan membina stadium mini bernilai RM900,000 itu sudah diluluskan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada Belanjawan 2015.

"Kita buat permohonan setahun lalu kepada Datuk Bandar Shah Alam dan sudah diluluskan.

"Bila siap, ia satu-satunya stadium



mini di DUN Paya Jaras. Maknanya, ia bakal menjadi tumpuan 13 kampung, sekaligus memeriahkan sukan bola sepak," katanya kepada Selangor Kini.

“

Kita buat permohonan setahun lalu kepada Datuk Bandar Shah Alam dan sudah diluluskan

**KHAIRUDDIN OTHMAN**  
Adun Paya Jaras

Katanya, Pejabat Adun Paya Jaras juga sedia merangka pelbagai program melibatkan sukan bola sepak sekaligus memastikan mini stadium ini memberi manfaat.

WAKTU SOLAT SELANGOR						
22 - 29 MEI 2015						
4 - 11 SYAABAN 1436H						
<b>Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam</b>						
	Imsak	Subuh	Syur'ı	Zuhur	Asar	Maghrib
22 Mei	5:30	5:40	7:01	1:13	4:36	7:21
23 Mei	5:30	5:40	7:02	1:13	4:36	7:21
24 Mei	5:30	5:40	7:02	1:13	4:36	7:21
25 Mei	5:30	5:40	7:02	1:13	4:37	7:21
26 Mei	5:30	5:40	7:02	1:13	4:37	7:21
27 Mei	5:30	5:40	7:02	1:13	4:37	7:21
28 Mei	5:29	5:39	7:02	1:13	4:38	7:22
29 Mei	5:29	5:39	7:02	1:13	4:38	7:22
<b>Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat</b>						
	Imsak	Subuh	Syur'ı	Zuhur	Asar	Maghrib
22 Mei	5:32	5:42	7:03	1:15	4:38	7:23
23 Mei	5:32	5:42	7:03	1:15	4:38	7:23
24 Mei	5:32	5:42	7:03	1:15	4:38	7:23
25 Mei	5:32	5:42	7:04	1:15	4:39	7:23
26 Mei	5:32	5:42	7:04	1:15	4:39	7:23
27 Mei	5:31	5:41	7:04	1:15	4:39	7:24
28 Mei	5:31	5:41	7:04	1:15	4:40	7:24
29 Mei	5:31	5:41	7:04	1:15	4:40	7:24

## Tumpu baiki kemudahan futsal

**SHAH ALAM** - Tambahan peruntukan baik pulih dan naik taraf kemudahan sukan difokus kepada kemudahan futsal dan bola sepak, kata Adun Paya Jaras, Khairudin Othman.

"Usaha baik pulih penting bagi memberi mutu infrastruktur terbaik. Kita mahu menarik minat anak muda bersukan dan mengamalkan gaya hidup sihat.

"Sekurang-kurangnya mereka ada aktiviti berfaedah dari terjebak aktiviti tidak sihat," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau mengulas peruntukan tambahan RM20,000 kepada setiap DUN berbanding RM14,000 sebelum ini.

Pengurusan DUN bebas menentukan perbelanjaan naik taraf kemudahan tanpa perlu kelulusan Exco.

## MPSJ naik taraf padang Puchong Utama

**PUCHONG** - Bagi kemudahan anak muda, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) memperuntuk RM202,000 untuk menaik taraf Padang Jalan 1/4 Puchong Utama.

Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSJ, Muhamad Zaki Yusoff berkata ia berikutan aduan orang awam yang mahu infrastruktur sukan dinaik taraf.

"Aduan diterima Oktober 2014. Pada November, kita keluarkan sebut harga dan kerja dimulakan Januari 2015 dengan kos RM102,000.

"Kerja itu ialah merata padang, gantikan rumput dan tiang gol baru. Kita dalam proses membina penghadang belakang tiang gol untuk faktor keselamatan dengan

“

Kerja itu ialah merata padang, gantikan rumput dan tiang gol baru

**MUHAMAD ZAKI**  
Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSJ

kos hampir RM100,000," katanya.

Menyatakan MPSJ melantik kontraktor untuk menyelenggara padang secara bulanan, beliau berkata, orang awam dinasihati tidak menggunakan padang ketika hujan bagi mengelakkan kerrosakan

**THE PALM GARDEN**  
At Persiaran Bukit Raja

**Kehidupan yang di impikan di THE PALM GARDEN**

- Blok C - Fasa berakhir Dibuka untuk jualan
- Kedai / Pejabat Dibuka untuk unit bumiputra
- The Palm Garden terletak di lokasi yang strategik di tengah-tengah kawasan perbandaran Bandar Baru Klang.
- Di kelilingi dengan banyak kemudahan.
- Merangkumi kediaman yang berprestij dan kedai / pejabat dalam satu pembangunan.
- Amat sesuai untuk mereka yang mencari kediaman yang luas.
- Di lengkapi dengan kemudahan dalaman & Kawalan keselamatan bagi memastikan kehidupan yang selesa.

**SILA DATANG MELAWAT PEJABAT PAMERAN KAMI**  
MASA : 10am - 5pm  
TEMPAT : THE PALM GARDEN  
Persiaran Bukit Raja, Bandar Baru Klang 41150, Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
GPS : 3°03'56.1"N 101°27'42.2"E

**PNSB ACMAR SDN BHD**  
No 32A, Jalan Tiga 2,  
Bandar Seri Klang,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia  
T : +603-9343 7028

019 311 5624  
03 3343 8899  
WWW.ACMAR.COM

**ACMAR** since 1979



Gambar oleh Asri Sapkie

## TANGKAS...

Sukan bola jaring semakin menjadi pilihan dalam kalangan belia wanita di Selangor sebagai alternatif untuk mereka bersukan. Sukan yang menekankan semangat berpasukan itu dapat membentuk rohani dan jasmani yang positif selaras dengan saranan Kerajaan Selangor dalam memantapkan modal insan di kalangan belia.

Elak pemain belia berhijrah ke negeri lain

# Kontrak 5 tahun

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Susulan kejayaan Pasukan Bola Sepak Selangor menjuarai Piala Belia Bawah 19 Tahun, seramai 37 pemainnya ditawarkan kontrak lima tahun.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amiruddin Shari berkata, ia bagi memastikan mereka kekal sebagai pelapis dan mengelak dipancing pasukan lain.

Beliau berkata, mereka terdiri daripada pemain pasukan A dan B yang digabungkan dalam kejohanan 2015 dengan format liga.

"Kita merampas semula Piala Belia B-19 dan Selangor menjadi negeri pertama yang menjadi juara dalam format liga.

"Kita buka peluang kepada 37 pemain liga belia kontrak jangka panjang. Selepas melihat prestasi mereka sepanjang kejohanan untuk dijadikan pelapis," katanya.

Amiruddin berkata, pelapis 'The Red Giants' itu menunjukkan prestasi konsisten apabila menang 11 perlawanan, hanya kalah dan seri sekali sepanjang kejohanan.

Menyentuh pemain untuk diserap ke Liga Super, Amiruddin berkata, tumpuan diberi kepada persiapan Sukan Malaysia (Sukma) 2016 di Sarawak terlebih dahulu.



**KITA JUARA...Pasukan Bola Sepak Selangor bawah 19 tahun unggul menjuarai kejohanan itu apabila konsisten menang 11 perlawanan, kalah dan seri sekali. Kejayaan itu adalah kali kelima sejak 2000.**

"Buat masa ini, kita fokus pasukan belia dan Piala Presiden untuk Sukma 2016. Pemain berkualiti akan dinaikkan ke Liga Super.

"Dengan kontrak 37 pemain itu sudah ada, bila-bila masa boleh diangkat ke pasukan negeri kalau prestasi baik," katanya.

Kejayaan menjulang Piala Belia B-19 2015 adalah kali kelima buat Selangor sejak 2000.

**“Kita buka peluang kepada 37 pemain liga belia kontrak jangka panjang. Selepas melihat prestasi mereka sepanjang kejohanan untuk dijadikan pelapis**

**AMIRUDIN SHARI**  
Exco Sukan

## Pelumba orang Asal cari penaja

**SHAH ALAM** - OA Racing Team yang diwakili pelumba dari Selangor, bergelut mencari penaja sekalipun mengungguli kategori Pro-Am Petronas AAM Malaysian Cubprix Championship 2015 di Temerloh Mac lalu.

Diwakili orang Asal dari Kampung Bukit Tadom, Banting, Azrul Affendi Hadi menguasai pusingan pertama tetapi tidak berlumba pada pusingan seterusnya berikutan masalah kewangan.

Malah, pengurusnya, Hadi Anak Jembik terpaksa meminjam wang RM30,000 bagi memastikan pasukannya menyertai pusingan ketiga di Muar, Johor awal bulan lalu.

"Di Muar, Azrul terjatuh dalam pusingan latihan bebas dan patah bahu tetapi semangatnya kuat untuk berlumba dan teruskan perlumbaan walau saya tak benarkan.

"Azrul dapat tempat keempat dalam pusingan di Muar. Kami akan bertemu di Kuala Terengganu 22 Mei dan berharap naik podium untuk kumpul mata mengejar pendaftaran keseluruhan," katanya.

Bercakap kepada Selangor Kini, Hadi berharap ada pihak menghulur tajaan berikutan beliau menggunakan gajinya untuk membiayai kos pusingan keempat.

Walaupun Azrul berpotensi untuk bergelar juara keseluruhan, katanya, tetapi bimbang masalah kewangan bakal menutup peluang sedia ada.

"Berbakat tetapi kalau terpaksa tarik diri banyak pusingan, peluang kumpul mata terjejas. Peluang jadi juara terlepas," katanya.

Azrul menduduki tangga ke-3 dengan kutipan 38 mata keseluruhan dengan baki tujuh pusingan bagi menamatkan kejuaaran musim 2015.